

Pusat Konservasi Beruang Madu Borneo

Bagaimana pusat ini bermula?

Pusat Konservasi Beruang Madu Borneo telah diasaskan oleh En. Wong Siew Te pada tahun 2008. En. Wong adalah salah seorang daripada ahli biologi hidupan liar yang menjalankan kajian dan bekerja dengan beruang madu Borneo.

Sebagai seorang perintis yang berpengalaman di dalam ekologi beruang madu di hutan tropika Borneo, En. Wong telah dibawa ke habitat yang paling mencabar dan terancam di dunia.

Pengalaman melihat sendiri beberapa ekor beruang madu terperangkap dalam keadaan yang menyayat hati inilah yang menjadi sumber inspirasi kepada En. Wong untuk menubuhkan pusat ini.

Dengan hasil kerjasama dari Jabatan Hidupan Liar Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah dan juga pertubuhan bukan kerajaan iaitu Land Empowerment Animals People (LEAP), Pusat Konservasi Beruang Madu Borneo telah berjaya ditubuhkan.



En. Wong Siew Te, Ketua Pegawai Eksekutif BSBCC sedang menjalankan kerja pemuliharaan terhadap seekor anak beruang madu.



BSBCC hanya memberi kebenaran untuk muat turun bagi tujuan pendidikan sahaja. Terima kasih

Bagaimanakah pusat ini membantu beruang madu?

Pemuliharaan

- Beruang madu Borneo hanya terdapat di Borneo dan ia merupakan antara haiwan yang terancam dan hampir pupus. Misi pusat ini adalah untuk mendedahkan serta berkongsi kepada orang ramai tentang kepentingan beruang madu agar ia dapat dilindungi.
- Misi pemuliharaan ini dapat dicapai melalui pemeliharaan kebajikan haiwan, pemuliharaan, pendidikan serta penyelidikan.



Anak beruang madu perlu belajar tentang kehidupan di hutan.



Memasang perangkat kamera untuk menangkap gambar beruang madu liar di hutan.



Beruang madu menjejak kaki ke dalam hutan untuk pertama kalinya.



Memelihara kebajikan haiwan

- Menyelamatkan beruang madu dari keadaan yang tidak sepatutnya
- Memberi penjagaan yang rapi kepada beruang madu

Pemulihan

- Menggalakkan perlakuan semulajadi beruang madu
- Memperkenalkan semula beruang madu dengan persekitaran hutan

Pendidikan

- Mendidik serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai beruang madu serta habitat semulajadi mereka
- Menggalakkan pemuliharaan berorientasikan di Sabah

Penyelidikan

- Menggalakan penyelidikan lanjut mengenai beruang madu.



Aktiviti pendidikan alam sekitar untuk kesedaran tentang beruang madu.



BSBCC hanya memberi kebenaran untuk muat turun bagi tujuan pendidikan sahaja. Terima kasih

Anatomi Beruang Madu Borneo

Setiap beruang madu mempunyai tanda dada yang unik. Ini bermaksud tiada dua ekor beruang madu yang mempunyai corak tanda dada yang sama.

Kuku beruang madu yang besar dan berbentuk sabit membolehkan mereka mencengkam kuat pada pokok dan menjadikan mereka pemanjat yang hebat. Kuku mereka juga adalah alat penting untuk membuka kayu reput bagi mendapatkan anai-anai, semut dan anak kumbang.

Tapak tangan beruang madu sangat lembut, sama seperti tapak tangan kita. Ini membolehkan mereka berjalan dengan senyap di lantai hutan.

Ketinggian:	120 - 150cm
Berat:	30 - 60kg (jantan) dan 20 - 40kg (betina)
Panjang ekor:	5cm
Bulu:	pendek, halus, berwarna coklat gelap atau hitam
Tanda dada:	berwarna krim kejinggaan dengan bintik hitam
Muncung:	berwarna kelabu kejinggaan
Telinga:	kecil dan bulat
Lidah:	20-25cm panjang
Tapak:	merah jambu & tidak berbulu
Kuku:	berbentuk sabit
Kaki:	pendek dan membengkok ke dalam



Geografi dan Habitat

Di manakah beruang madu ditemui di dunia?

Beruang madu terdapat di seluruh Asia Tenggara iaitu merangkumi negara-negara berikut: India Timur, China Selatan, Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand, Vietnam, Semenanjung Malaysia, Sumatera dan Borneo.

Beruang madu (*Helarctos malayanus*): *Helarctos malayanus malayanus* boleh hidup dari ketinggian 0 hingga 2,700 m di atas paras laut.

Terdapat 2 beruang madu (*Helarctos malayanus*): *Helarctos malayanus malayanus* boleh ditemui di tanah besar Asia dan Sumatera.

Helarctos malayanus euryspilus hanya terdapat di Borneo.

Beruang madu yang terdapat di tanah besar Asia dan Sumatera adalah 2 kali ganda lebih besar daripada beruang madu yang terdapat di Borneo.

Para ahli sains percaya bahawa ini merupakan adaptasi evolusi beruang madu terhadap makanan yang terhad di hutan Borneo.

Pokok-pokok menyediakan sumber makanan untuk beruang madu di hutan.



Salah satu cara untuk tidur di atas pokok adalah dengan membina sarang. Ini adalah sarang beruang madu.

Di manakah beruang madu boleh hidup?


Beruang madu bergantung kepada kawasan hutan untuk hidup. Mereka boleh ditemui di pelbagai jenis hutan di seluruh Asia Tenggara.

Beruang madu juga didapati boleh hidup di hutan sekunder iaitu hutan yang telah tumbuh semula dan mempunyai ciri-ciri hutan asli.

Di Borneo, beruang madu jantan memerlukan sekurang-kurangnya 15 km² kawasan hutan untuk mendapatkan makanan yang cukup untuk terus hidup.

Mereka biasanya berada di bahagian kanopi dan juga lantai hutan.





Pemakanan Beruang Madu Apakah makanan beruang madu?

Beruang madu dikategorikan dalam order Karnivora (karnivor atau pemakan daging). Namun tabiat pemakanannya adalah omnivor. Mereka memakan pelbagai jenis makanan di hutan termasuklah buah-buahan, serangga, haiwan invertebrata, haiwan kecil dan juga madu.

Buah-buahan

Beruang madu memakan beratus-ratus jenis buah-buahan di hutan seperti buah ara, buah mempening, durian hutan dan lain-lain. Banyak antara buah-buahan ini boleh didapati semasa musim buah-buahan. Di antara musim buah-buahan pula iaitu di mana buah-buahan sukar didapati, buah ara menjadi sumber makanan penting bagi beruang madu. Ini adalah kerana pokok ara berbuah sepanjang tahun.



Buah mempening



Buah ara



Beruang madu memakan buah-buahan yang boleh didapati di dalam hutan.



Haiwan invertebrata

Beruang madu memakan banyak jenis haiwan invertebrata ataupun haiwan tanpa tulang belakang seperti anai-anai, semut, lipan, ulat gonggok dan anak kumbang. Haiwan invertebrata juga menjadi sumber makanan penting semasa kesukaran dalam mendapatkan buah-buahan di antara musim buah. Dengan itu, beruang madu meluahkan banyak masa mencari makanan di atas pokok dan juga di lantai hutan terutamanya pada kayu reput untuk mencari semut dan anai-anai.



Ulat traktor.



Ulat bebola.



Anak kumbang.



Beruang madu memanjat pokok di hutan untuk mendapatkan madu.

Madu

Disebabkan kegemaran haiwan ini memakan madu, ia dinamakan 'Beruang Madu'. Walau bagaimanapun, madu adalah sukar didapati dan ini menjadikannya makanan istimewa bagi haiwan ini. Dengan hidu yang kuat, beruang madu boleh mengesan lokasi madu kelulut yang bersarang di dalam pokok. Kuku yang panjang dan gigi yang kuat membantu untuk mengoyakkan kulit kayu dan mendapatkan madu dari sarang kelulut tersebut.

Mengapakah beruang madu penting

Peranan Beruang Madu di Hutan?

Seekor beruang madu sedang memakan sebiji buah durian.



Penanam hutan

Beruang madu memakan buah-buahan yang terdapat di hutan. Secara tidak langsung, mereka akan membantu menyebarkan benih buah-buahan di seluruh kawasan hutan yang lain semasa mereka menjelajah. Pada masa yang sama, beruang madu juga membantu untuk memastikan pertumbuhan benih tadi berjaya dengan cara menjatuhkan benih jauh dari pokok induknya. Lebih jauh benih ditanam dari pokok induk, lebih tinggi peluangnya untuk hidup.

Jurutera hutan

Beruang madu merupakan pemanjat yang hebat. Salah satu tujuan mereka memanjat pokok adalah untuk mendapatkan madu dari sarang lebah. Kuku serta gigi taring yang kuat bertindak sebagai alat penting bagi mereka untuk mengoyakkan kulit kayu bagi mendapatkan madu dari sarang lebah. Ini akan menyebabkan terhasilnya rongga dalam batang pokok yang kemudiannya boleh digunakan oleh haiwan lain seperti burung enggang dan tupai terbang sebagai tempat untuk bersarang.

Beruang madu meninggalkan rongga dalam batang pokok yang boleh digunakan semula oleh haiwan lain.



Beruang madu menggunakan gigi taringnya untuk mencari makanan dari dalam kulit pokok.



Doktor Hutan

Anai-anai merupakan serangga perusak yang tinggal di dalam satu kelompok yang besar. Mereka memakan pokok mati dan juga pokok hidup di dalam hutan. Terdapat beberapa spesies anai-anai yang gemar membina sarang di dalam pokok yang mana pada akhirnya boleh membunuh pokok tersebut. Beruang madu suka memakan anai-anai. Mereka akan menggali ke dalam sarang anai-anai untuk memakannya. Dengan menggali sarang anai-anai ini, beruang madu membantu mengawal populasi anai-anai di hutan dan secara tidak langsung, beruang madu dapat memastikan pokok-pokok di hutan hidup dengan sihat.



Beruang madu menggali tanah untuk mendapatkan haiwan invertebrata dan sekaligus membantu proses kitaran nutrien tanah di hutan.

Dengan menggali sarang anai-anai dari permukaan pokok, anak beruang madu ini memastikan pokok tersebut boleh hidup dengan sihat.



Petani Hutan

Apabila beruang madu menggali tanah untuk mendapatkan makanan invertebrata di dalam tanah seperti cacing tanah, ulat gonggok, kumbang, semut dan anai-anai, mereka akan membantu untuk meningkatkan kitaran nutrien. Ini adalah dengan mencampurkan tanah dengan nutrien-nutrien yang sedia ada. Aktiviti ini seumpama seorang petani yang membajak tanahnya sebelum menanam pokok.



Apakah yang beruang madu sedang lakukan di dalam kawasan hutan ini?

Menggali

Beruang madu gemar menggali untuk mendapatkan makanan seperti cacing, semut, anai-anai dan kumbang. Ini merupakan makanan yang sangat enak dan sumber protein yang penting bagi mereka.

Memanjat

Beruang madu adalah pemanjat yang hebat. Mereka memanjat pokok untuk berehat, memakan buah-buahan, haiwan invertebrata dan juga untuk mencari madu.

Bersosial

Disimpan di dalam kumpulan yang berbeza untuk menjimatkan ruang selain menggalakkan perlakuan beruang yang sihat. Ini juga merupakan sebahagian daripada proses pemuliharaan beruang madu di Pusat ini.



Beruang madu sedang memanjat pokok.

Masa bersosial beruang madu dalam proses pemuliharaan menggalakkan perlakuan yang sihat.





Mencari anai-anai dari dalam kayu.

Mencari makanan

Mengapakah beruang madu menghidu lantai hutan? Mereka sebenarnya sedang mencari buah-buahan dan serangga yang terdapat semulajadinya di kawasan hutan. Beruang madu juga mungkin sedang mencari buah-buahan dan sayur-sayuran yang diberikan oleh penjaga-penjaga beruang di ini.

Bersantai/ Bersarang

Beruang madu seringkali kelihatan tidur di atas pokok. Mereka biasanya memilih tempat yang lebih tinggi dari lantai hutan untuk mengelakkan pacat dan pemangsa lain seperti harimau dahan dan ular sawa. Jika anda bernasib baik, anda boleh melihat mereka membina sarang atau bersantai di atas pokok.

Mendandan diri

Beruang madu banyak menghabiskan masa mereka dengan mendandan diri terutamanya pada bahagian tapak kerana ia merupakan bahagian badan yang penting untuk memanjat, menggali dan makan.



Beruang madu membersihkan tapak kakinya.

Mengapakah BSBCC harus memulihara beruang madu?

Sebelum beruang madu dihantar ke pusat ini, beruang madu ini telah dimiliki secara haram dan ditempatkan di dalam kurungan kecil. Kesan daripada itu, beruang madu tadi telah mengalami trauma dan penderitaan yang mereka alami sangat jelas kelihatan melalui perlakuan yang ditunjukkan seperti berasa dalam keadaan yang tertekan, diri dengan keterlaluhan dan berjalan di tempat yang sama.

Sebelum memasuki kawasan hutan, beruang madu diperkenalkan dengan beruang madu lain.



Seekor beruang madu melangkah keluar ke hutan untuk pertama kalinya.

Apakah langkah yang terlibat dalam pemuliharaan?

Pasukan BSBCC membuat pemeriksaan kesihatan terhadap seekor beruang madu.



1. Setelah beruang tiba di pusat ini, mereka akan diberikan pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh. Ini adalah untuk memastikan beruang tadi tidak membawa parasit berjangkit atau penyakit-penyakit merbahaya.
2. Setelah pemeriksaan selesai, beruang tersebut akan dikuarantin selama sebulan.
3. Selepas dikuarantin, beruang akan dipindahkan ke kandang tertutup berhampiran dengan beruang lain. Ini adalah untuk membiasakan beruang tadi dengan beruang lain melalui penglihatan, bau dan bunyi sebelum kedua-dua beruang tadi diperkenalkan di antara satu sama lain.



4. Sebelum beruang dikeluarkan ke kawasan hutan yang tertutup, mereka perlu menjalani latihan iaitu latihan pagar elektrik. Latihan ini bertujuan agar beruang dapat mengelak menyentuh pagar elektrik. Ini kerana kawasan hutan di pusat ini dikelilingi dengan pagar elektrik. Pagar elektrik ini dipasang bertujuan untuk mengelakkan beruang-beruang yang ada di pusat ini daripada melarikan diri disebabkan kecekapan mereka memanjat pokok.



Berehat di atas cabang pokok di dalam kawasan hutan BSBCC.



Beruang madu mengajar sesama sendiri kemahiran hidup di hutan.

5. Dalam kawasan hutan tertutup di ini, beruang madu akan belajar untuk memanjat, mencari sumber makanan dan membina sarang. Walaupun secara umumnya beruang ini akan kembali ke rumah beruang pada waktu senja, kadangkala terdapat beruang yang memilih untuk bermalam di hutan. Di sinilah mereka akan mula membina sarang atau mencari tempat tidur di dalam lubang kayu di dalam hutan. Ini merupakan perkembangan yang baik di mana beruang-beruang ini sudah mula menunjukkan tabiat asal mereka sebagai seekor beruang liar.

6. Matlamat utama ini adalah untuk membantu beruang-beruang yang diselamatkan untuk belajar semula tabiat asal mereka sebagai seekor beruang madu liar yang sihat. Jika beruang ini telah mencapai peringkat pemulihan, mereka berpotensi untuk dilepaskan semula ke dalam hutan.



Apakah yang akan berlaku apabila hutan dimusnahkan?

Borneo mempunyai kawasan hutan yang kaya dengan kepelbagaian biologi. Pelbagai spesies haiwan liar bergantung kepada hutan untuk hidup. Beribu-ribu hidupan liar telah kehilangan habitatnya akibat dari pemusnahan hutan.

Beruang madu merupakan spesies haiwan yang tinggal di dalam hutan. Malangnya, kebanyakan hutan hujan tropika kini dimusnahkan bagi menjalankan aktiviti pembalakan atau membuka ladang-ladang pertanian seperti ladang kelapa sawit dan getah.

Penebangan hutan yang berterusan akan menyebabkan beruang madu kehilangan tempat tinggal.



Penebangan hutan memusnahkan habitat beruang madu.



Habitat beruang madu



Penebangan hutan

BSBCC hanya memberi kebenaran untuk muat turun bagi tujuan pendidikan sahaja. Terima kasih

Tahukah anda bahawa beruang madu diburu untuk daging dan bahagian tubuhnya yang lain?

Beruang madu telah diburu sejak turun temurun di hutan Borneo untuk mendapatkan daging serta beberapa bahagian tubuhnya yang lain. Daging beruang madu secara tradisinya merupakan sumber makanan bagi masyarakat orang asli. Bahagian tubuhnya yang lain pula dijadikan sebagai ubat-ubatan (hempedu), cenderahati atau untuk tujuan perhiasan (kuku, gigi taring dan kulit). Kini, pemburuan beruang madu adalah diharamkan di negeri Sabah.



Memburu beruang madu merupakan suatu kesalahan berdasarkan undang-undang.



Menurut Enakmen Konservasi Hidupan Liar Sabah 1997, beruang madu merupakan spesies "Dilindungi Sepenuhnya". Mereka yang didapati memiliki beruang madu atau mana-mana bahagian tubuhnya akan dikenakan denda sehingga RM50,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Walaupun dengan kewujudan undang-undang ini, beruang madu masih diburu secara haram terutamanya untuk dijual sebagai makanan eksotik dan juga untuk perubatan tradisional.

Memburu beruang madu adalah haram, namun ianya masih berlaku.



Kredit gambar: S. Yasuma

BSBCC hanya memberi kebenaran untuk muat turun bagi tujuan pendidikan sahaja. Terima kasih

Beruang madu adalah comel tetapi tidak sesuai dijadikan sebagai haiwan peliharaan!

Beruang madu merupakan beruang yang terkecil di dunia. Oleh itu, anak beruang madu merupakan antara haiwan liar yang paling Ini tidak bermaksud beruang madu boleh dijadikan sebagai haiwan peliharaan.

Apakah yang akan berlaku kepada beruang madu jika anda menjadikannya sebagai haiwan peliharaan?

Apabila anak beruang madu tersebut membesar, ia akan menjadi seekor beruang liar yang sangat berbahaya. Ini akan menyebabkan pemilik mengambil keputusan untuk mengurung atau merantai beruang tersebut di dalam kurungan yang kecil.

Anak beruang madu biasanya mengambil masa 2-3 tahun untuk belajar kemahiran hidup di hutan daripada ibu mereka. Untuk mendapatkan anak beruang madu, ibunya harus dibunuh terlebih dahulu. Apabila manusia menjadikan anak beruang madu sebagai haiwan peliharaan, anak beruang



Beruang madu dijadikan haiwan peliharaan sering berada dalam ketakutan disebabkan keadaan yang tidak sihat.

Anak beruang madu selalunya disimpan di dalam kurungan yang kecil.



Mereka tidak sepatutnya tinggal di dalam kandang!

madu ini tidak dapat belajar tentang kemahiran hidup di hutan, malah mereka akan membesar di dalam kurungan kecil dan ada juga yang dianiaya oleh pemiliknya. Semua beruang madu yang berada di pusat ini merupakan bekas haiwan peliharaan. Mereka telah dihantar ke sini untuk mempelajari semula teknik dan kemahiran hidup di hutan sebelum dihantar semula ke hutan asal.

Oleh yang demikian, setiap ekor beruang madu seharusnya hidup di habitat asalnya iaitu di dalam hutan.



Pemerdagangan haiwan

BSBCC hanya memberi kebenaran untuk muat turun bagi tujuan pendidikan sahaja. Terima kasih